

Jilid III

Bil. 4

Hari Khamis

24hb. Disember 1981



Laporan Persidangan
OFFICIAL REPORT

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
Yang Kelima

FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG

Penggal Yang Ketiga
THIRD SESSION

Mesyuarat Yang Ketiga
THIRD MEETING

Jilid III

Bil. 4



Hari Khamis

24hb. Dis. 1981

Laporan Persidangan
OFFICIAL REPORT

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
Yang Kelima

FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG

Penggal Yang Ketiga
THIRD SESSION

Mesyuarat Yang Ketiga
THIRD MEETING

KANDUNGAN

Mukasurat

1. Usul atas Anggaran Pembangunan (sambongan)	2
2. Pemilihan Senator	17
3. Penangguhan	19

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N., J.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Datuk Khalid Ahmad bin Sulaiman, D.M.P. N., K.M.N., A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, D.J.N., K.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Mohamad @ Ahmad Radhi bin Pachee, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Datuk Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar, D.S.P.N., K.M.N., P.P.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Saleh, P.K.T., A.M.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud, P.K.T., P.P.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, P.K.T., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan @ Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Lim Kean Siew)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Ooi Ean Kwong)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Seow Hun Khim)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Peter Paul Dason)

TURUT HADIR:

- Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang (Encik Haidar bin Mohd. Noor, D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) — Digan-
tung keahliannya di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 51(1)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)

TURUT HADIR:

- Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik W o Hing Fat, P.J.K., D.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.05 pagi.

DOA

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dewan disambung semula dengan perbahasan Anggaran Pembangunan 1982. Silakan.

AHLI KAWASAN TELUK BAHANG (ENCIK MOHAMAD @ AHMAD RADHI BIN PACHEE):

Tuan Speaker, saya ingin mengambil peluang ini untuk menjawab dan menjelaskan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini semalam berkaitan dengan perbahasan pembangunan.

Saya sungguh tertarik hati dengan aduan-aduan yang begitu banyak daripada ramai Ahli-Ahli Dewan berkenaan dengan keadaan jalan di kawasan masing-masing. Sesungguhnya Kerajaan dan saya sendiri sangat mengambil berat dan bersimpati dengan keadaan-keadaan yang disebutkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu. Sesungguhnya hakikat aduan-aduan ini datang bukan daripada satu kawasan sahaja malahan daripada banyak kawasan dan boleh melegakan sedikit perasaan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa sekurang-kurangnya boleh dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat '.... bukan kawasan aku sahaja yang tidak memuaskan' dan ini boleh dijawab secara tidak langsung oleh saya bahawa tidak ada diskriminasi di sesuatu kawasan.

Yang sebenarnya, Tuan Speaker dan juga Ahli-Ahli yang berkenaan, aduan-aduan itu kebanyakannya timbul oleh sebab salah faham berkenaan dengan keadaan yang sebenarnya. Sebenarnya, jalan-jalan itu ada berbagai-bagai jenis atau kategori. Jalan luarbandar ialah satu kategori yang boleh dibahagikan kepada kategori A, B dan C. Jalan yang dipanggil jalan kampung kemudian

ada juga jalan-jalan yang boleh dipanggil jalan-jalan dalam *housing estate* atau jalan-jalan dalam kawasan perumahan. Di samping itu ada jalan negeri dan ada jalan Kerajaan Pusat dan jalan-jalan ini masing-masing ditadbir atau dibuat di bawah peruntukan-peruntukan yang berlainan serta tertakluk kepada berbagai-bagai peraturan yang tertentu.

Saya ingin menjelaskan dengan agak lanjut sedikit kali ini, Tuan Speaker, untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan untuk mengambil perhatian supaya dapat mereka faham dengan lebih mendalam dan kemudian saya harap mereka akan memberi penjelasan kepada penduduk-penduduk kawasan mereka jika soalan-soalan yang berkenaan itu ditimbulkan lagi. Sekurang-kurangnya saya harap mereka akan menyambungkan penjelasan saya itu kepada penduduk-penduduk berkenaan.

Jalan luarbandar atau *rural roads* di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di dibahagikan kepada 3 kategori.

- (i) Kategori A ialah jalan-jalan yang sememangnya jalan tanah merah dan memang peruntukannya dikeluarkan untuk membuat jalan tanah merah;
- (ii) Kategori B juga ialah jenis tanah merah yang dibuat secara *package*; dan
- (iii) Kategori C pula ialah peruntukan untuk menaikkan taraf tanah merah A dan B kepada Kategori C iaitu kategori yang ditarkan.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, jalan luarbandar atau *rural roads* ini tidak ada jenis tanah merah tapi dibuat terus jenis tar. Di samping itu baki-baki jalan tanah merah Kategori A dan B yang dibuat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga akan dipohon untuk dinaikkan kepada taraf tar. Malangnya di antara baki jalan jenis kategori A dan B yang masih tanah merah itu yang diluluskan untuk ditarikan hanya ada satu sahaja iaitu di Jalan

lain belum mendapat kelulusan.

Sayugia juga mengambil perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan untuk menaikkan taraf jalan-jalan luarbandar datang daripada Kerajaan Pusat, bukan daripada Kerajaan Negeri.

Kemudian saya ingin beredar kepada perkara jalan-jalan kampung. Jalan kampung sebenarnya berasal daripada *tracks* atau bekas jalan atau kalau boleh kita panggil "jalan ada", barangkali pada adatnya orang ramai suka melalui kawasan itu dengan menggunakan *track* yang tertentu akhirnya apabila dilalui sekian lama maka berbekas tempat itu jadi sebagai satu *track* dan mungkin tuan-tuan tanah yang terlibat yang *track* itu melalui tanah masing-masing tidak membuat bantahan maka akhirnya dianggap oleh orang ramai sebagai jalan kampung dan akhirnya orang-orang kampung itu mungkin telah meminta pihak Kerajaan supaya menganggap jalan itu sebagai jalan kampung; maka jadilah ia jalan kampung. Apabila jalan-jalan itu dipohon oleh orang kampung untuk ditarkan, maka timbullah masalah pula. Kadangkadang tidak ada masalah jikalau tuan-tuan tanah itu suka sebab kebenaran perlu diberi oleh tuan tanah. Kalau tidak ada bantahan — dengan syarat D.O. ada peruntukan — jalan atau *track* itu boleh ditarkan. Tetapi ada kalanya — kerap juga berlaku — tuan-tuan tanah yang pada mulanya tidak ada bantahan untuk orang ramai melalui tanahnya sebagai *track*, kini apabila hendak ditarkan mereka membuat bantahan dan ini menimbulkan masalah kepada Pegawai Daerah. Perkara ini harus diambil perhatian oleh Yang Berhormat semua untuk memberi penjelasan lanjut kepada penduduk kawasan masing-masing.

Saya ingin beredar kepada jalan-jalan di *housing estate* atau jalan di taman perumahan yang kerap kali dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menjelaskan bahawa saya jalan-jalan yang sedemikian di kawasan

perbandaran biasanya tidak banyak menimbulkan masalah. Yang menimbulkan masalah ialah jalan-jalan dalam kawasan perumahan yang dibina pada zaman P.D.C. atau Majlis Daerah Luarbandar yang malangnya kerap kali terdapat jalan-jalan itu dibuat tidak mengikut taraf yang boleh diterima oleh pihak J.K.R. Jalan-jalan itu juga dibuat dengan begitu rupa, maka pada masa ini didapati keadaannya sungguh tidak baik sepertimana yang dirungut atau diadukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan. Ini juga saya ingin menegaskan khasnya untuk menyambut satu *comment* yang dibuat oleh Ahli Kawasan Paya Terubong petang semalam mendesak dan mengingatkan saya supaya jangan lupa janji saya. Saya akan berikhtiar untuk mengambilalih jalan-jalan sedemikian dari masa ke semasa mengikut keutamaan.

Saya ingin menambah bahawa Kerajaan akan berusaha mengambilalih bukan sahaja mengikut keutamaan tetapi juga mengikut keadaan. Saya kata mengikut keadaan sebab ada tempat-tempat di mana keadaannya begitu rupa mana hampir-hampir mustahil untuk diambilalih. Saya bagi contoh satu kawasan yang jalannya sebegitu rupa yang perlu diambilalih yang mana Jawatankuasa berikhtiar untuk mengambilalih tetapi di dapati untuk menaikkan taraf jalan itu kepada taraf J.K.R. peritulah jalan itu dilebarkan. Apabila hendak dilebarkan didapati kiri-kanan jalan itu sudah ada bangunan yang tetap atau *permanent building*. Ini melibatkan pengambilan tanah dan melibatkan perobohan bangunan ini. Itu adalah satu masalah yang saya katakan tadi hampir-hampir mustahil untuk diatasi. Maka apabila tiba di kawasan tanah yang keadaannya sedemikian, maka Jawatankuasa berkenaan terpaksa menangguhkan dan mencari jalan bagaimana hendak mengatasi masalah itu. Jawatankuasa saya akan terus melihat jalan-jalan yang sama kategori yang tidak ada masalah tersebut tadi.

Ada jug, timbul masalah apabila jalan itu hendak dibesarkan didapati perlu mengambil hakmilik tanah jalan itu sebab pada masa dibuat dahulu jalan itu dibuat oleh pemaju itu tanpa menyerah kepada pihak Majlis Perbandaran atau mana-mana pihak maka jalan-jalan itu atau tanah yang menjadi jalan dari segi undang-undang masih dimiliki oleh syarikat yang memajukan kawasan itu dan syarikat itu sudah hilang di mana perginya kita tidak tahu. Kadang-kadang kita dapat mengesan syarikat itu dan kita minta supaya syarikat itu menyerahkan kepada pihak Kerajaan supaya Kerajaan boleh memperbaiki dan meninggikan taraf jalan itu kepada taraf J.K.R. supaya dapat diselenggarakan oleh J.K.R. Malangnya apabila ada permintaan sedemikian, syarikat atau tuan-tuan tanah berkenaan tidak mahu bekerjasama. Inilah masalah yang timbul dan masalah ini saya tidak berjanji akan dapat atau boleh diatasi dalam masa yang pendek.

Saya ingin mengulang sekali lagi bahawa apabila saya kata jalan-jalan sedemikian akan diambilalih dari masa ke semasa mengikut keutamaan, saya juga ingin menambah mengikut keadaan juga. Mungkin ada keadaan yang hampir mustahil untuk diatasi. Saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat sila ambil perhatian dan jika boleh tolong saya untuk memberi penjelasan selanjutnya kepada penduduk-penduduk di kawasan masing-masing.

Saya ingin di samping itu menyentuh secara *specific* atas khusus kepada soalan-soalan ataupun aduan-aduan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Satu permintaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Acheh iaitu permintaan supaya ditambahkan jalan-jalan. Saya ingin menegaskan bahawa saya di kawasan beliau memang sudah ada satu rancangan jalan *package* yang terdiri daripada beberapa jalan luarbandar yang sudah pun dipanggil tender.

Satu perkara jalan juga — bukan kualiti jalan — yang dibangkitkan oleh

Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kubang Semang dan Penanti iaitu aduan berkenaan dengan jalan-jalan yang sedia ada didapati rosak oleh sebab digunakan dengan begitu kasar oleh lori-lori tanah dan batu yang dianggap melebihi beratnya untuk jalan-jalan tersebut. Sebenarnya jalan-jalan yang disebutkan oleh Ahli-Ahli dari Kawasan Kubang Semang dan Penanti itu saya dan pegawai-pegawai daripada J.K.R. telah melawat dan melihat dengan matakepala kami sendiri dan sebab itu kami sedar akan hal itu. Kami setuju benar bahawa jalan-jalan itu digunakan oleh lori-lori yang tidak sepatutnya menggunakan jalan-jalan itu sebab jalan-jalan itu terhad kepada kenderaan yang beratnya tidak lebih daripada berat yang tertentu, tetapi pada pandangan kami lori-lori itu memang lebih berat daripada yang dibenarkan dan di samping mengucapkan terima kasih kepada pihak polis, J.P.J. (R.I.M.V.) seperti-mana yang diucapkan terima kasih oleh Ahli Kawasan Kubang Semang, saya ambil kesempatan di sini untuk merayu kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap lori-lori ini. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di kawasan berkenaan saya berseru kepada mereka berilah kerjasama kepada pihak polis dan J.P.J. (R.I.M.V.) untuk mengambil tindakan seherapa banyak yang boleh terhadap kenderaan yang menggunakan jalan-jalan tersebut supaya jalan tersebut tidak menjadi seperti kata Ahli Kawasan Sungai Dua dua hari sudah, apabila kereta lalu terasa oleh beliau macam naik kereta lembu.

Jadi, Tuan Speaker, inilah penjelasan yang saya rasa agak panjang lebar yang perlu saya buat pada pagi ini untuk menghilangkan perasaan tidak puas hati dan juga untuk mengurangkan soalan-soalan atau aduan-aduan yang serupa dalam Dewan ini di masa yang akan datang.

Tuan Speaker, saya perhatikan daripada ucapan-ucapan Ahli Yang Ber-

format sama ada daripada pihak Kerajaan atau pihak Pembangkang kebanyakan aduan-aduan adalah berkaitan dengan jalan. Ada seorang sahaja Yang Berhormat iaitu dari Kawasan Ayer Itam yang saya dengar beliau berucap hampir 2 jam yang kalau tiap-tiap perkataannya itu ditulis dalam masa 2 jam itu mungkin kita boleh buat satu buku tebal sejenkal. Tetapi saya dapati dan saya percaya orang-orang suratkhbar pun macam saya juga — tercengang-cengang tidak tulis apa-apa sebab mereka barangkali (macam saya juga) tidak tahu biji butir dan tidak tahu apa yang hendak dituliskan. Ringkasnya tidak ada bahan. Perkara yang disebutkan itu diulang-ulangkan. Saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam ada di luar dan mendengar ucapan saya sebab beliau masuk tadi tapi keluar balik. Beliau hanya membuat banyak aksi macam orang wayang tetapi isinya diputar-belitkan kepada beberapa perkara sahaja.

Saya bukan bertujuan untuk mem-permainkan perkara itu tetapi ada satu perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam berkenaan Kerajaan Negeri “dianaktirikan”. Ini satu perkara yang harus dijawab, tambahan pula, beliau mengungkit dan mengaitkan secara tidak langsung seolah-olah Negeri Pulau Pinang dianaktirikan oleh parti pemerintah UMNO. Ini adalah satu tuduhan yang tidak berasas. Beliau bercakap dalam satu nada yang mengatakan Negeri Pulau Pinang ini dianaktirikan, tiba-tiba dalam nada yang lain yang berikut beliau menyebut tentang ujudnya atau akan ujudnya jambatan. Saya telah menjawab, masakan Kerajaan Pusat menganaktirikan Negeri Pulau Pinang dengan buktinya Kerajaan Pusat bersetuju mengeluarkan perbelanjaan yang begitu banyak — \$740 juta lebih — untuk jambatan yang akan memberi faedah yang banyak kepada penduduk Negeri Pulau Pinang. Begitu juga rancangan jalan atau lebuh raya dari Timur-Barat, lebuh raya dari utara ke

Selatan yang kedua-duanya ini melintasi Negeri Pulau Pinang yang akan memberi faedah yang banyak kepada Negeri Pulau Pinang.

Terima kasih Ahli Kawasan Ayer Itam kerana masuk setelah saya pangg-il.

Jadi, Tuan Speaker, khususnya Ahli Kawasan Ayer Itam, saya menafikan sekali lagi bahawa sanya Negeri Pulau Pinang ini dianaktirikan oleh Kerajaan Pusat. Saya nafi itu.

Malangnya Ahli Kawasan Ayer Itam masuk pada masa ucapan saya tiba ke akhirnya. Saya harap Yang Berhormat di luar ada mendengar semuanya tadi.

**AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):**

Ada.

**AHLI KAWASAN TELUK BAHANG
(ENCIK MOHAMAD @ AHMAD
RADHI BIN PACHEE):**

Saya tidak berhajat untuk meng-
ulangnya, Tuan Speaker.

Sebelum saya akhiri, saya ingin sekali lagi meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengadukan hal jalan-jalan tadi tolong ambil perhatian mengapa dan apakah sebab jalan-jalan itu menjadi sedemikian. Saya sedia bertemu dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang begitu ramai untuk mendengar dan memastikan di bawah kategori apakah jalan-jalan yang mereka adukan itu. Pihak Kerajaan Negeri bersimpati dengan keadaan-keadaan itu.

Sekian, terima kasih.

**AHLI KAWASAN TANJUNG BUN-
GAH (DATUK KHOR GARK KIM):**

Tuan Speaker, saya ingin mengucap-
kan terima kasih kepada Ahli-Ahli
Yang Berhormat yang telah memberi
ulasan berkenaan rumah kos rendah di
negeri ini. Cadangan-cadangan yang
telah dikemukakan akan diberi per-
imbangan yang sewajarnya dan yang
memerlukan tindakan yang sewajarnya
akan diambil dengan secepat mungkin.

Mengikut kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Bahagian Perumahan dalam tahun 1977 dan juga 1979, keperluan perumahan awam kos rendah di Negeri Pulau Pinang ini yang berlayak adalah dalam lingkungan 40,000 dan bukan 70,000 seperti yang telah dibesarkan atau *exaggerated* oleh beberapa pihak. Untuk menyelesaikan masalah ini dalam tempoh 5 tahun yang akan datang, Kerajaan Negeri telahpun mengemukakan satu strategi keseluruhannya atau *overall strategy* dengan *tripod* seperti telah dinyatakan dan diulangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam. Strategi ini berasaskan kepada pengalaman dan prestasi dalam masa 5 tahun yang lalu dan telah mengujudkan keazaman perancangan serta daya inisiatif Kerajaan Negeri ini untuk memenuhi hasrat dan aspirasi rakyat kita untuk mendapatkan perumahan kos rendah dalam 5 tahun depan.

Rancangan ini bukanlah satu mimpi "*building castles in the air*" seperti yang ditubuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam. Apa yang sebenarnya "*building castles in the air*" ialah projek tahun 1983 DAP. Mimpi DAP ini telah dihancurkan dan menghadapi hakikat prestasi dalam kemajuan dan kemakmuran Negeri Pulau Pinang dalam 13 tahun yang lalu. Dengan kejayaan projek-projek pembangunan sosio-ekonomi negeri ini, *confidence* atau keyakinan DAP sendiri telah hilang sama sekali dan projek DAP ini telahpun menjadi satu *non-starter*. DAP sentiasa membenarkan prasangka politik atau *political bias* mereka untuk mempengaruhi padangan dan ulasan mereka kepada sesebuah projek Kerajaan Negeri.

Saya yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini masih ingat lagi bahawa tidak berapa lama yang lalu projek pembangunan seperti perindustrian desa dan jambatan Pulau Pinang yang telah dicadangkan dan dimulakan telah diikuti oleh Kerajaan Negeri ini pada mula tahun 1970an. Itu telahpun

selalu dianggap oleh DAP dengan tuduhan tak jadi atau *non starter*. Ada pemimpin DAP yang kata juga jikalau jambatan Seberang Perai/Pulau Pinang dapat dilaksanakan, mereka akan terjun ke dalam laut dari jambatan ini. Sekarang projek perindustrian desa telah berjaya dan projek jambatan ini telahpun dimulakan dan dijangka akan siap pada tahun 1985 selewat-lewatnya. Bukanlah saya ingin Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam terjun daripada jambatan ini, akan tetapi dengan contoh seperti ini, saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam serta pemimpin DAP patutlah menunjuk lebih keyakinan kepada Kerajaan Negeri dan jangan mengelirukan lagi rakyat Negeri Pulau Pinang. Ini adalah salah satu contoh yang jelas daripada kes-kes yang pemimpin DAP selalu kata tidak akan jadi — *non-starter* dan tidak yakin akan terjadi — tetapi selalu jadi dengan sepenuhnya.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Rubbish.

AHLI KAWASAN TANJUNG BUNGAH
(DATUK KHOR GARK KIM):

Sama juga dengan masalah perumahan awam kos rendah di negeri ini. Strategi keseluruhannya yang saya telah banyak kali menjelaskan mengandungi usaha Kerajaan Negeri yang menggunakan peruntukan wang daripada Kerajaan Pusat, usaha P.D.C. serta usaha pemaaju-pemaaju swasta. Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah cukup sedar akan keperluan perumahan khasnya perumahan awam kos rendah untuk rakyat yang berpendapatan rendah di negeri ini. Kedudukan ini telah diterangkan beberapa kali kepada pegawai-pegawai dan juga Menteri Perumahan sendiri. Peruntukan wang untuk perumahan awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat di Negeri Pulau Pinang telahpun ditambahkan daripada \$37.3 juta untuk 3,020 unit pada awal tahun ini sampai \$86 juta untuk 4,500

unit. Walaupun peruntukan ini masih jauh daripada apa yang telah diminta oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu \$404 juta untuk 21,000 unit (gan-guan).

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Berapa persen?

AHLI KAWASAN TANJUNG BUN-
GAH (DATUK KHOR GARK KIM):

.....akan tetapi Kementerian Peruma-
han sendiri telah berjanji kepada Kera-
jaan Negeri beberapa kali bahawa per-
untukan wang ini akan dikaji semula
dan boleh ditambahkan lagi dari masa
ke semasa. Kerajaan Negeri telahpun
bersedia untuk menggunakan sepenuh-
nya peruntukan yang telah diluluskan
oleh Kerajaan Pusat dan saya ingin
menjamin kepada Dewan ini wang ini
akan digunakan dengan secepat
mungkin.

Sebenarnya tapak-tapak projek untuk
membina lebihkurang 21,000 unit
rumah-rumah kos rendah di seluruh ne-
geri ini di tiap-tiap daerah telahpun di-
kesan dan pelan *tatatur*, pelan-pelan
bangunan, kajian tanah serta ukuran
tanah sudahpun d'isediakan. Perancang-
an yang mengandungi 21,000 unit ini
adalah diasaskan di atas kejayaan yang
cemerlang yang telah dicapai di bawah
Rancangan Malaysia Ketiga. Pada akhir
tahun 1980, prestasi ataupun kemajuan
pelaksanaan perumahan awam kos ren-
dah di negeri ialah mejadi 90% di-
bandingkan dengan kecapaian keseluru-
han negeri masing-masing yang kurang
daripada 40%.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Mana dapat wang itu?

AHLI KAWASAN TANJUNG BUN-
GAH (DATUK KHOR GARK KIM):

Dalam usaha ini Kerajaan Negeri
sentiasa memberi pertimbangan yang

adil kepada keperluan-keperluan peru-
mahan di tiap-tiap daerah termasuklah
tempat-tempat yang telah dicadangkan
oleh Yang Berhormat semua di dalam
Dewan ini. Setiap rancangan perumah-
an awam kos rendah yang dirancang
ini akan mempunyai kemudahan-kemu-
dahan yang asas untuk faedah rakyat.
Dalam masa yang sama P.D.C. telah
merancang untuk membina sekurang-
kurangnya 12,000 unit rumah berbagai
jenis, kebanyakannya rumah kos rendah
untuk jangka masa 5 tahun yang akan
datang. Sebagaimana Dewan ini telah
maklum dalam Rancangan Malaysia
Ketiga, P.D.C. pun telah berjaya melak-
sana dan menyediakan 11,000 unit
untuk rakyat di Negeri Pulau Pinang.
Kerajaan telah menunjukkan kemam-
puan dan keupayaan P.D.C. atau
building capability dalam bidang pem-
binaan rumah.

Di samping itu pemaju-pemaju swasta
di negeri ini telahpun digalakkan supaya
mengadakan lebih banyak projek-projek
perumahan awam kos rendah dan se-
jauh yang mungkin memastikan ru-
mah-rumah kos rendah ini dapat di-
miliki oleh kumpulan yang sungguh-
sungguh berpendapatan rendah. Meng-
ikut maklumat-maklumat daripada
Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan
Majlis Perbandaran Seberang Perai,
bilangan unit rumah berbagai jenis dan
puratanya yang telah disediakan oleh
pihak swasta sejak tahun 1970 adalah
dalam lingkungan tidak melebihi dari-
pada 2,000 unit setahun untuk mem-
bolehkan sumbangan yang lebih banyak
unit rumah oleh pihak swasta boleh di-
tambahkan dua atau tiga kali.

Agensi-agensi Kerajaan yang ber-
kenaan telah membincang dan meng-
ambil langkah-langkah yang sewajarnya
termasuklah meninggikan lagi kepadat-
an dan mempercepatkan lagi kelulusan
pelan-pelan *tatatur* dan pelan-pelan
bangunan serta mengubah syarat, pemecahan lot-lot dan sebagainya. Akibat
daripada ini telah terdapat beberapa pe-
maju swasta yang telah bersetuju untuk
menjual sebahagian unit-unit projek

mereka melalui Kerajaan dengan harga yang tidak melebihi daripada \$30,000.00 seunit. Adalah diharap dan dijangkakan lebih banyak pemaju swasta akan memberi kerjasama dan sumbangan seperti ini khasnya dengan penyediaan garis panduan yang akan menetapkan pembahagian peratus sebagai rumah murah yang sedang diuruskan oleh Kerajaan Pusat serta Kerajaan Negeri.

Dengan adanya kerjasama dan usaha yang sungguh-sungguh di antara ketiga-tiga pihak ini, adalah dijangkakan bahawa bekalan rumah termasuk rumah kos rendah yang berjumlah lebih daripada 40,000 unit akan dapat disediakan pada akhir Rancangan Malaysia keempat untuk rakyat Negeri Pulau Pinang.

AHLI KAWASAN BERTAM (ENCIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS):

Datuk Speaker, tadi telah sama-sama kita mendengar penerangan dan penjelasan yang telah diberikan oleh beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya juga berasa perlu memberi sedikit sebanyak penerangan kepada masalah-masalah dan juga perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan saya pada hari semalam.

Di antara perkara-perkara yang telah ditimbulkan itu ada beberapa perkara yang bersangkutan-paut dengan pertanian iaitu satu bidang yang kita anggap sungguh penting dalam kehidupan manusia. Misalnya soal tanah rang. Soal ini bukanlah satu soal yang baru tetapi satu soal yang telah sama-sama kita tentukan dan apa yang lebih penting sekarang ialah kita bekerja untuk mengatasi masalah itu. Soal yang tidak timbul sebab kita akan dan walaupun mendapat bantuan sama ada daripada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri. Dalam usaha-usaha kita untuk memulihkan tanah rang ini ada satu perkara lagi yang saya rasa sangat penting iaitu kita perlu memulihkan dahulu semangat dan sikap pak tani-pak tani kita, sebab tanpa dorongan yang kuat daripada kita selaku

penimpin, saya rasa pak tani itu tidak dapat berjalan jauh.

Masalah-masalah yang ditimbulkan di sini saya rasa ada sebahagiannya dapat diselesaikan di peringkat-peringkat yang lebih sesuai sama ada di peringkat Mesyuarat Tindakan Daerah ataupun dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pertanian sendiri ataupun di peringkat JKKK dan sebagainya. Misalnya soal benih padi, benih-benih padi yang diberikan kepada petani adalah benih-benih yang telah diuji terlebih dahulu. Benih-benih yang kurang daripada 80% percambahannya tidak akan diberi kepada pak tani dan rungutan yang kita dengar itu barangkali bukan benih-benih itu langsung tidak tumbuh, barangkali benih itu tumbuh dengan tidak baik dan berlakunya perkara ini mungkin adalah kesilapan pihak-pihak pak tani sendiri. Misalnya mereka tidak menyimpan benih-benih itu dengan baik ataupun menyimpan benih-benih itu dengan agak lama.

Berhubung dengan satu masalah yang bersangkutan-paut dengan Jabatan Parit dan Taliair iaitu mengenai parit saluran kecil — ada juga disebut sebagai parit jejari ataupun lebih dikenali di kalangan pak tani sebagai 'parit gila yang tak kena gaya akan menggilakan kita semua' sebab parit ini tidak dibuat lurus tetapi dibuat mengikut sempadan sempadan yang berliku-liku — dan parit ini sebenarnya merupakan satu perkara yang kita harap akan dapat menimbulkan balik semangat gotong-royong di kalangan pak tani sebab parit besar dan parit yang sederhana adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Parit dan Taliair dan parit kecil ataupun kita sebut "parit gila" ini adalah kita harap menjadi tanggungjawab bersama pak tani dan Kerajaan iaitu dalam bentuk gotong-royong dan sebagainya. Mengenai nama parit ini, bukan sahaja pernah dibincang dalam mesyuarat-mesyuarat seperti ini tetapi juga pernah dibincang dalam peringkat JKKK, Jawatankuasa Tindakan Daerah dan sebagainya. Mengenai syor yang dibuat oleh Ahli

Yang Berhormat daripada Penanti supaya parit ataupun saluran kecil ini dipanggil "takalir", saya bimbang salah-salah sebut, tak sebut "takalir" lain pula disebut. Jadi saya rasa syor itu bimbang saya hendak terima.

Mengenai rancangan mengadakan kolam-kolam ikan di sawah-sawah yang terbiar, perkara ini juga telahpun mendapat perhatian Kerajaan dan juga Jawatankuasa Pertanian Negeri. Rancangan ini bukan sahaja akan kita adakan di Paya Achong ataupun Paya Chong dan sebagainya tetapi di seluruh daerah yang mungkin dan sesuai di Pulau Pinang dan Seberang Perai, misalnya di Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Balik Pulau. Perkara ini telahpun kita berhubung dengan sebuah Syarikat Consultant dan Syarikat Perundingan iaitu Sdn. Bhd. yang telahpun bersetuju untuk membuat kajian; cuma *detail* saja yang belum dapat diselesaikan lagi. Insyaallah kita berharap dengan adanya kajian yang dibuat oleh Syarikat Perundingan ini masalah itu akan dapat kita selesaikan dengan secepat yang boleh.

Mengenai cadangan ataupun pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Penanti yang sangat ahli dalam pantun dan seloka supaya lembaga ataupun badan yang khusus mengenai pertanian ditubuhkan di Pulau Pinang ataupun ringkasnya PADA, ini juga merupakan satu perkara yang dapat dikatakan dalam proses iaitu ada kaitannya dengan projek IADP yang akan kita jalankan di Balik Pulau dan Seberang Perai. Dalam kajian itu kita telah menerima pandangan-pandangan supaya pertanian padi ini dijalankan secara berkelompok ataupun *group farming* dan sebagai usaha kita yang pertama secara yang disyorkan oleh mereka yang terlibat dalam IADP ini adalah di Pokok Tampang iaitu yang diusahakan oleh KGN Padi. KGN ialah Koperasi Ga-

bungan Negeri yang telahpun dianggap sebagai anak angkat oleh Jabatan Perdana Menteri. KGN Padi telahpun menyelesaikan masalah-masalah teknikal, cuma menunggu masa untuk memulakan kerja di Pokok Tampang. Insyaallah tanah yang seluas 360 ekar itu akan dapat kita lihat menghijau dan menguning dengan padi pada tahun-tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Ahli daripada Sungai Acheh telah membangkitkan soal nelayan— memang Ahli Yang Berhormat itu selalu memberi nasihat kepada saya dalam soal-soal nelayan — dan beliau telah meminta supaya Kerajaan Negeri juga menyediakan sedikit peruntukan kepada nelayan. Yang sebenarnya, ini telahpun menjadi tanggungjawab pihak Kementerian sendiri. Jadi pihak negeri, saya rasa tidaklah perlu mengeluarkan apa-apa peruntukan ataupun perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kalau kita mempunyai rancangan yang baik atau *viable*, saya rasa masalah kewangan tidak timbul. Contoh yang paling mudah ialah di Chenaam di mana Kerajaan Negeri telah memberi tanah yang nilainya juga berjuta ringgit dan Kerajaan Pusat memberi wang yang berjumlah lebih daripada \$4 juta. Ini menunjukkan bahawa masalah wang dan masalah peruntukan tidak timbul. Yang lebih penting ialah perancangan kita yang teliti dan dapat menyakinkan semua pihak. Insyaallah kita akan mendapat peruntukan, kita akan mendapat tanah dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah nelayan dan apa juga yang bersangkutan-paut dengan mereka.

Saya juga berterima kasih banyak kepada Ahli daripada Sungai Pinang yang telah dua kali menyebut dalam Dewan ini mengenai masalah pertanian. Malangnya saya belum mendapat kesempatan untuk menjawab pada masa-masa yang lampau dan pada hari ini dapat saya jawab. Saya amat berterima kasih kepada ahli yang begitu menaruh minat kepada pertanian sebab

seperti yang saya katakan tadi, pertanian merupakan satu perkara yang sangat penting. Tanpa pertanian ataupun kalau "syoru" kita *miss*, saya ingat kalau kita pindah kepada pasukan tentera pun tidak guna alat-alat perang yang hebat, kapal terbang yang mengalahkan lajunya suara dan sebagainya. Jadi itulah yang menunjukkan pentingnya pertanian ini. Jadi sayapun penting-lah dan surat-khabar pun kena masuk-lah. (Ketawa).

Jadi masalah ini memanglah telah mendapat perhatian yang berat bukan sahaja dari Jawatankuasa Pertanian tetapi juga bagi pihak Kerajaan Negeri. Kita sentiasa meneliti dengan betul-betul bila sesuatu kawasan itu hendak diubah syarat atau hendak dijadikan kawasan yang lain daripada kawasan pertanian. Pihak Jabatan Parit dan Taliair pun telah diberi arahan supaya mana-mana kawasan padi yang masih lagi tertinggal yang tidak diletakkan di bawah perlingkungan Jabatan Parit dan Taliair hendaklah diletakkan perlingkungan itu dengan cepat. Pihak Jabatan Parit dan Taliair sedang menghubungi pihak-pihak yang tertentu di Kuala Lumpur dan juga di peringkat negeri.

Kepada Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Bakap yang telah meminta supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga membawa sejenis serangga yang dibawa daripada Afrika untuk menolong dalam soal mendebungakan ataupun pendebungaan pokok-pokok kelapa sawit, itu juga akan kita ambil perhatian.

Saya rasa itulah saja, Tuan Speaker, peranan saya dalam soal perbahasan ini.

Sekian, terima kasih.

**AHLI KAWASAN BAGAN AJAM
(DATUK HAJI IBRAHIM BIN ABDUL
RAZAK):**

Datuk Speaker, saya bangun untuk menjawab soalan-soalan yang dimajukan oleh sahabat-sahabat saya di belakang. Yang pertama berkenaan dengan masalah saguhati kepada guru-guru Al-Quran dan juga kepada pe-

gawai-pegawai masjid. Dalam masalah ini pada tahun 1979 pihak Jabatan Ugama telah menaikkan saguhati daripada biasa sebanyak 60%. Jadi pada tahun 1979, 1980 dan 1981 telahpun diberi kelebihan sebanyak 60% ini. Jika saguhati itu tidak juga memuaskan hati pihak-pihak yang tertentu, jika dibuat permohonan mungkin permohonan itu akan dipertimbangkan.

Yang kedua kepada wakil Tasek Glugor bersabit dengan bidang kuasa kepada pihak Pencegah Maksiat yang baru ditubuhkan. Dalam soal ini, pihak Jabatan Ugama telah dan akan merundingkan dengan pihak keselamatan negeri kerana pihak Jabatan Mencegah Maksiat ini baru ditubuhkan di Pulau Pinang.

Bersabit dengan perkataan janda yang dikatakan salah tafsir itu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat kerana mengingatkan saya, dan akan membincangkan masalah tafsir itu dalam mesyuarat jawatankuasa yang akan datang.

Kepada pihak wakil Penanti berkenaan gaji kepada Naib-Naib Kadi, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk memberi gaji bulanan kepada pihak Naib-Naib Kadi.

Kepada pihak wakil Sungai Nibong berkenaan dengan tapak surau, pihak Jabatan Ugama akan menimbang sekiranya permohonan itu disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Sekian.

**AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
(ENCIK T. SUBBIAH):**

Tuan Speaker, saya suka mengambil peluang ini untuk menyatakan di sini bahawa sungguhpun tidak ada peruntukan khas dalam Anggaran Pembangunan 1982 untuk bahagian Kebudayaan Belia dan Sukan tetapi beberapa peruntukan telahpun diberi tahu pada tahun yang lepas dan akan dipohon bagi tahun 1982 atas cara bila perlu dari peruntukan Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan di

bawah Kod 4100. Dalam tahun 1981, peruntukan telahpun diberi untuk

bagian Kebudayaan Belia dan Sukan. Contohnya seperti berikut.

Kejohanan Hoki Piala Tun Abdul Razak	\$ 10,000.00
Persidangan Majlis Perundingan Belia Negeri	... \$ 1,680.00
Minggu Sukan Kebangsaan Peringkat Negeri	... \$ 30,000.00
Pertukaran Murid-Murid	... \$ 25,400.00
Kem Istimewa	... \$ 9,460.00
Hari dan Minggu Belia Peringkat Negeri	... \$ 7,000.00
Majlis Sukan Negeri-Negeri	... \$ 35,000.00

Badan-badan sukan yang bergabung dengan Majlis Sukan Negeri adalah diberi peruntukan tiap-tiap tahun untuk perbelanjaan pentadbiran. Lagi pun derma-derma yang diberi kepada badan-badan sukan ini melalui Majlis Sukan Negeri adalah dikecualikan dari cukai dan ini mengalakkan orang ramai memberi derma tersebut.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Grand Prix di Pulau Pinang selama 10 tahun. Ini telah menarik pelancung-pelancung dan menambahkan pendapatan sektor perniagaan. Langkah-langkah sedang diambil untuk mendapat tempat yang lebih sesuai untuk perlumbaan Grand Prix ini dengan kemudahan-kemudahan yang lebih memuaskan. Yang Berhormat dari Bagan Jermal meminta kemudahan-kemudahan rekreasi mesti diberi di Seberang Perai. Permintaan ini akan diberi pertimbangan bila keputusan muktamad dibuat atas tapak atau lokasi Grand Prix Track.

Pertukaran murid-murid yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang 10 tahun dahulu sedang dijalankan tiap-tiap tahun pada bulan Disember. Pada tahun-tahun dahulu, murid-murid sekolah menengah dari negeri-negeri di Malaysia telah mengambil

bahagian. Dua tahun dahulu, murid-murid dari Indonesia dan Australia kebetulan mengambil bahagian dan pada tahun ini, murid-murid dari Negeri Jepun telahpun mengambil bahagian. Murid-murid kita mendapat peluang bergaul dengan murid-murid dari Indonesia, Australia dan Jepun.

Dengan ini pengetahuan murid-murid kita pun akan bertambah. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap tidak lama lagi murid-murid dari negara-negara ASEAN akan mengambil bahagian juga. Tahun ini, Kerajaan Negeri mengadakan satu kem istimewa untuk murid-murid sekolah menengah dan pekerja-pekerja kilang dan berharap ini akan diadakan tiap-tiap tahun pada masa depan.

Dengan perkembangan gabungan Majlis Sukan Negeri dengan beberapa badan sukan, Majlis Kebudayaan Negeri dengan badan-badan kebudayaan dan Majlis Perundingan Belia Negeri dengan berbagai-bagai badan belia maka dengan itu Kerajaan Negeri bersedia menimbang di masa depan segala cadangan untuk mengadakan peruntukan khas untuk Belia Sukan dan Kebudayaan.

Tuan Speaker, dalam bidang kebudayaan, pada tahun 1981 sebanyak 25

kursus telah diadakan yang mana melibatkan 644 peserta. Di samping itu sebanyak 52 persembahan kebudayaan telah diadakan sepanjang tahun ini yang mana bilangan penonton yang menyaksikan persembahan-persembahan kebudayaan itu ialah lebih kurang seramai 174,000 orang. Bantuan kebudayaan yang telah diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan kebudayaan ini ialah lebih daripada \$30,000.00. Dalam bidang belia, Tuan Speaker, pada tahun 1981 sebanyak 28 kursus telah diadakan yang melibatkan 1,583 peserta.

Di bidang rekreasi dan sukan, Tuan Speaker, pada tahun 1981 sebanyak 48 kursus dan latihan telah dijalankan yang melibatkan seramai 2,340 peserta. Selain daripada *Olympic-size ring* awam di Seberang Perai, kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi juga terdapat di Penaga, di Nibong Tebal (dekat Pejabat Kerajaan di mana sebuah kompleks sukan ada disediakan dan \$60,000.00 akan ditambah lagi pada tahun depan) dan di Bukit Mertajam di mana rundingan sedang diadakan dengan Pegawai Daerah untuk mencari satu tempat yang sesuai untuk kompleks sukan.

Sekian, terima kasih.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya nampak telah menyokong cadangan saya untuk Anggaran Pembangunan tahun depan dengan penuh semangat.

Tuan Speaker, kali ini dalam Dewan, kita telah membahas dengan teliti masalah-masalah Anggaran Pembangunan. Ini telah menunjukkan macam mana pentadbiran dalam Negeri Pulau Pinang telah sampai ke satu peringkat baru melalui sistem Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan di bawah Pengerusi-Pengerusi serta Ahli-Ahli dalam Majlis tersebut.

Saya harap jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh rakan-rakan saya dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan telah menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan-kawasan mereka. Apa yang kita ambil perhatian di dalam Negeri Pulau Pinang ialah sungguh pun kita telah menjalankan beberapa banyak rancangan pembangunan untuk faedah rakyat kita tetapi kita mesti faham rakyat kita selalu meminta atau memohon untuk mendapat lebih banyak faedah untuk mereka. Kalau kita faham masalah ini, tidak payahlah kita ikut Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Ayer Itam atau DAP yang selalu ingat kalau beliau membawa perkataan "anak tirikan" banyak kali, barangkali kita pun ada perasaan semacam itu. Nampak saya pihak DAP tentulah kalau kita kata kita telah berjaya, dia kata tidak berjaya; kalau kita kata ini hitam, dia kata itu putih; kalau kita kata ini Warganegara Malaysia, dia kata "Apa". Inilah mereka.

Tuan Speaker, bukanlah kita dianak-tirikan tetapi Negeri Pulau Pinang telah menjadi sebuah negeri yang sungguh-sungguh boleh dikatakan anak yang bertanggungjawab dan berkebolehan. Kita faham apa yang telah diminta oleh rakyat jelata adalah banyak dan pegawai-pegawai yang berkenaan telah merujuk kita melalui JKKK atau Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, lain-lain badan, Jawatankuasa Tindakan Daerah dan sebahagian dari Pegawai-Pegawai Daerah dan juga Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan. Semua perkara-perkara ini telah dikumpulkan untuk pertimbangan di dalam Jawatankuasa Tindakan Negeri di bawah Pegawai Pembangunan Negeri dan selepas perbincangan itu kita telah menghantarkan permohonan-permohonan yang kita telah kumpulkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Di dalam persidangan Dewan yang lalu, saya telah berkata bahawa Kerajaan

an Negeri Pulau Pinang telah bersatupadu dengan negeri-negeri lain di dalam Persekutuan. Kita pun mesti faham tujuan Kerajaan Persekutuan hendak membangkitkan semua rakyat seluruh negara dan apa yang kita telah capai kita harap boleh dicapai dari Perlis sampai ke Sabah atau dari Pulau Pinang sampai Kelantan atau Trengganu. Ini menunjukkan Kerajaan Persekutuan telah mempertimbangkan apa yang kita minta dan telah mengambil keputusan. Kita terima keputusan yang dibuat sebab kita faham bahawa kita mesti ada tanggungjawab dan kita mesti tunjuk kebolehan kita sendiri.

Di dalam mengakhiri ucapan saya, saya telah mengambil perhatian Dewan ini khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri iaitu rakyat negeri ini mestilah sedar akan kesulitan-kesulitan kewangan yang kita sedang hadapi. Mereka hendaklah menghargai sepenuhnya-penuhnya akan keazaman Kerajaan dan oleh kerana ini mereka hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan dalam melaksanakan projek-projek yang telah dikenal-kesan. Pada setiap masa, rakyat kita perlu menyokong Kerajaan dan turut serta dengan program-program Kerajaan untuk menjamin keamanan, keselamatan dan kestabilan masyarakat kita supaya pembangunan sosio-ekonomi dapat dilaksanakan demi memberi sebesar-besar munaf'aat kepada semua rakyat kita. Kerajaan tentu akan mengambil perhatian dalam beberapa perkara yang telah dibangkitkan di dalam sidang Dewan ini oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tuan Speaker, di sini pun saya ambil peluang untuk memberi keterangan bahawa perkhidmatan yang kita jalankan untuk rakyat adalah mengikut keputusan yang diambil di dalam Dewan, bukanlah apa yang keluar di dalam suratkhbar atau propaganda part'i-parti. Apa yang kita tadbirkan ialah keputusan-keputusan yang telah dibuat di dalam Dewan ini. Oleh sebab itu saya harap Ahli-Ahli

Yang Berhormat dari Kawasan-Kawasan Negeri ada keyakinan bahawa Kerajaan tentu akan mengambil perhatian di atas semua perkara yang telah berbangkit dan yang mana boleh kita harap kewangan yang kita boleh cari boleh menolong dalam projek-projek untuk faedah seterusnya kepada rakyat kita. Yang Berhormat Ahli-Ahli pun mesti ambil tanggungjawab untuk balik ke kawasan masing-masing dan memberi keterangan kepada penduduk-penduduk di kawasan mengenai kedudukan kewangan kita dan macam mana kita hendak menjalankan projek-projek dengan kemas untuk rakyat kita.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal tentu faham kalau kita bawa Bukit Bendera atau tapak pesta Pulau Pinang atau Stadium atau Kebun Bunga ke Bagan Jermal, barangkali kawasan Bagan Jermal tidak cukup luas. Tetapi saya harap pembangunan Negeri Pulau Pinang akan membawa rakyat kita kepada satu semangat bersatupadu dan bila kita kata kita ada Kebun Bunga di Pulau Pinang, kita tahulah Kebun Bunga adalah di dekat air terjun dan kalau kita kata kita ada sebuah kolam renang, kita tahulah ianya berada di Seberang Prai. Selepas jambatan disiapkan, ini akan memberi kesenangan kepada rakyat kita untuk melawat semua tempat di Negeri Pulau Pinang dari Kampong Tun Sardon sampai ke Kampong Sungai Chenaam atau dari Kampong Enam sampai Bukit Panchor — tidak payah lagi kita selalu ingat untuk Butterworth atau untuk Georgetown.

Di sini, Tuan Speaker, saya harap Yang Berhormat Ahli-Ahli pun telah mengambil perhatian bahawa sungguhpun kawasan saya adalah di dalam bandar Georgetown, ianya satu kawasan yang mempunyai banyak masalah. Oleh sebab itu kita selalu mesti berunding dengan rakyat dan kita sebagai wakil hendaklah memberi kesedaran kepada mereka macam mana kita hendak membawa pembangunan untuk seluruh negeri dan macam mana kita mesti

berhubung rapat sebagai adik beradik di dalam negeri kita untuk faedah semua. Di sini pihak Barisan Nasional telah menunjukkan macam mana, secara peringkat demi peringkat, kita telah meningkatkan kehidupan rakyat. Saya sendiri berasa di dalam seluruh Negeri Pulau Pinang, kita telah mendapat keyakinan yang penuh daripada rakyat kita. Saya ingat masanya telah sampai di mana rakyat kita pun telah ketepikan kelohoran atau perkara-perkara yang dibawa oleh parti pembangkang — khususnya parti pembangkang — yang tidak bertanggungjawab yang merasakan diri di anak tirikan.

Tuan Speaker, saya harap Yang Berhormat di dalam pihak Barisan Nasional bolehlah terima keterangan saya tetapi di sini saya ada dua-tiga perkara yang saya hendak jawab balik.

Satu sahaja yang saya ingat penting iaitu perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli dari Pengkalan Kota. Beliau ada bawa satu perkara di dalam Dewan ini dan saya harap saya boleh bagi keterangan yang jelas. Dalam ucapan beliau, beliau telah berkata kita mesti mencari cara-cara baru untuk menyelesaikan masalah perumahan. Kerajaan selalu mencari cara-cara baru untuk menyelesaikan masalah perumahan — khususnya perumahan kos rendah — untuk rakyat kita, tetapi beliau telah berkata, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru sahaja membuat keputusan yang mana rumah murah boleh diluluskan tanpa pelan.

Saya mesti beri keterangan di sini. Yang Berhormat Menteri berkenaan telah mengambil keputusan dan perkara ini pun belum dibincangkan di dalam Jawatankuasa Kemajuan Perumahan Negeri. Tidak lama lagi kita boleh ambil satu keputusan tetapi bukan semua rumah-rumah kos rendah boleh dibina tanpa pelan. Rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh pihak Kerajaan sahaja dipertimbangkan untuk pembinaan tanpa pelan dengan tujuan pelan-pelan yang telah di edikan oleh pihak Kera-

jaan Tempatan dan diluluskan dengan secepat mungkin. Ini berkaitan dengan rancangan-rancangan rumah kos rendah Kerajaan sahaja dan bukan rumah-rumah haram.

Tuan Speaker, ada dua-tiga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membawa masalah Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor tetapi di sini saya ingin menjawab balik.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang telah mencadangkan supaya Jawatankuasa Dewan ini mengkaji dan mempertimbangkan perkara ini tetapi nampak saya apa yang telah terjadi bukanlah satu perkara yang melanggar undang-undang atau lain-lain; beliau sahaja selalu menunjukkan semangat sendiri yang bongkak dan tidak mahu terima fikiran-fikiran lain. Beliau silap faham mengenai peraturan-peraturan Dewan ini. Beliau masuk Dewan ini tetapi tidak bersetuju dengan peraturan-peraturannya dan tidak mengikut adat-adat yang telah biasa digunakan di sini. Ini saya ingat ada baik balik kepada beliau sendiri. Keputusan beliau saya nampak senang sekali kalau mengikut semangat kemasyarakatan atau mengikut adat kemanusiaan. Beliau senang menulis surat kepada Tuan Speaker sebablah ini telah ditunjukkan bukan satu atau dua kali tetapi sampai tiga kali. Ini menunjukkan beliau telah berlaku kasar, buruk dan tidak sesuai dengan adat kita di sini.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Point of Order. Tuan Speaker: 46

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker (gangguan).

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

46.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, (gangguan).

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Point of Order, Tuan Speaker.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, (gangguan).

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Beliau mesti mahu duduk!

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, (gangguan).

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Inilah order.

KETUA MENTERI:

Saya dengar.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

46.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, jangan ganggu, ya.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Saya tidak ganggu. Ini *point of order*. Beliau mesti duduk.

Tuan Speaker, Peraturan 46(vi). Tuan Speaker selalu *mention* ini:—

"Every Member"

(Gangguan).

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, itu bukan *point of order*.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

"Every Member shall confine his observations to the subject under consideration"

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya tidak bagi peluang. Itu bukan *point of order*. Saya telah selalu minta Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Ayer Itam supaya baca baik-baik, dengar baik-baik dan ikut baik-baik apa yang kita kata. Janganlah menipu dan mengelirukan atau berbohong kepada rakyat. Ini bohong cukup. Rakyat pun telah jelak, tidak mahu lagi dengar apa yang Ahli Kawasan Ayer Itam kata. Saya telah memuji beliau beberapa kali tentang kesediaan beliau mengambil bahagian dalam Dewan ini dengan baik jika dibandingkan dengan Ahli Kawasan Bukit Glugor. Saya telah meminta beliau nasihatkan sahabat beliau dari DAP supaya janganlah bongkak, jangan keliru dan jangan membuat aniaya di dalam Dewan ini. Tetapi beliau mesti faham, jika dibandingkan dengan beberapa orang Yang Berhormat di sini, beliau mesti lagi bersedia dan belajar macam mana boleh dibandingkan dengan orang kita di sini. Ucapan dia dalam satu jam pun tidak ada satu barang dalamnya.

Tuan Speaker, ini bukan *order*. Jawapan saya ialah mengenai satu perkara yang dibawa dalam perbahasan di Dewan ini oleh Ahli Kawasan Kubang Semang dan Ahli Kawasan Sungai Pinang, dan perkara ini merujuk balik kepada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bukit Glugor. Macam mana Standing Order? Jangan bohong. Kali ini saya duduk, tapi lain kali jangan keliru.

Tuan Speaker, saya harap kita terima apa yang dirasakan oleh rakyat. Selepas apa yang telah terjadi dua hari dahulu ramai orang mari telah berjumpa saya di luar, dan ada yang telah menghantar pantun. Saya tidak pandai berpantun seperti Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Penanti. Ini pantun dari rakyat jelata. Mula-mula saya ingat ini tidak payah saya baca, tapi selepas ini saya mesti baca Tuan Speaker:—

Ahli Bukit Glugor wakil pembangkang,
Sebagai pejuang jawatan pembelaan,
Sayang tuan-tuan seribu kali sayang,
Orangnya terpelajar tetapi kurang sopan.

Ada lagi:—

Sebagai ketua pembangkang yang kita tahu,
Selalu melawan bersuara nyaring,
Muka tebal tak punya malu,
Dibawa polis seperti anjing.

Tuan Speaker, ini juga perasaan rakyat. Inilah satu masalah yang beliau sendiri mesti balik ingat dan pertimbang baik-baik pada masa Christmas ini. Adakan tindakan beliau elok dan mengikut semangat kemasyarakatan Pulau Pinang? Janganlah ambil tempat-tempat lain. Saya tidak tahu di tempat-tempat lain adakah orang semacam ini? Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam selalu keliru. Dia membawa beberapa perkara PDC tetapi dia tidak membaca dengan teliti. Saya telah membaca dengan teliti dalam masa memberi jawapan-jawapan kepada soalan-soalan mulut, tetapi — nampak saya macam biasalah — beliau tidak mendengar dengan baik. Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Ayer Itam cuba mengelirukan keadaan sebenarnya dan beliau telah cuba memutarbelitkan keadaan itu dengan tujuan untuk mengelirukan rakyat.

Tuan Speaker, laporan tahunan P.D.C. dengan terang sekali memberi butir-butir dengan menerangkan penyelesaian seperti prestasi yang telah dibuat. Sama ada Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Ayer Itam mahu terima kenyataan-kenyataan itu atau tidak terpulanglah kepada beliau. Bagi pihak P.D.C. apa yang nyata ialah P.D.C. telah menyumbangkan dengan menuaikan kepada pembangunan sosial ekonomi Negeri Pulau Pinang. Kenyataan ini tidak dapat dinafikan walaupun berapa kuat sekali pun Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Ayer Itam cuba mengelirukan rakyat.

Tuan Speaker, beliau juga meragukan tentang usaha-usaha pembangunan P.D.C. selama ini dan untuk penge-

lahan Dewan ini perbelanjaan pembangunan Negeri Pulau Pinang semenjak tahun 1971 hingga bulan Disember tahun ini berjumlah \$309,993,605.00. Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Ayer Itam pun telah membaca laporan P.D.C. dan membawa perkara pekerja-pekerja perindustrian sebagai persefahaman anaktiri. Dia berkata ini adalah eksploitasi pekerja-pekerja. Tuan Speaker, apa yang saya dapat tahu dari mula kita menjalankan perindustrian untuk kemajuan Negeri Pulau Pinang. Parti DAPlah yang selalu membangkang; apa yang kita buat tidak boleh dan tidak berguna. DAPlah yang menjahanamkan negeri kita tetapi keterangan parti DAP sudah tidak laku lagi. Iupun selepas DAP dibuang, ada lagi orang-orang yang bongkak yang hendak mengelirukan rakyat. Dalam masyarakat kita tentu ada orang yang selalu mahu jadi hero semacam itu.

Tuan Speaker, lagi satu perkara Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam telah baca dalam laporan P.D.C., kata saya rakyat kita mesti faham apa yang telah ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin DAP. Sekarang kita tahu Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor tidak ada lagi di Dewan ini dan Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam senang hati duduk sana sebagai satu badan DAP. Siapa boneka atau siapa pemimpin baiklah dua-dua pun boleh terima.

Tuan Speaker, apa yang beliau telah bangkitkan mengenai faedah atas pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh P.D.C. setakat ini ialah telah berjumlah \$24,880,575.00. Beliau fikir pinjaman-pinjaman itu tidak boleh dibayar balik faedahnya. Tuan Speaker, beliau tidak membaca laporan sebab dalam laporan itu telah menunjukkan P.D.C. setakat ini telahpun membayar balik faedah atas pinjaman-pinjaman yang berjumlah \$14,379,554.00 dan, Tuan Speaker, saya pun telah berapa kali menerangkan di dalam Dewan ini bahawa wang P.D.C. telah masuk *investment*. Mengikut

sistem akaun atau sistem kira-kira yang kita ada sekarang, kita telah menerima ini sebagai satu kerugian. Walau bagaimanapun, kalau kita ingat baik-baik, banyak wang yang kita telah masukkan ke dalam syarikat-syarikat perindustrian ialah sesungguhnya kos pengalakkan yang belum dapat balik atau kita boleh katakan ini sebagai *investment risk* dan risiko bidang usahasama di mana kita mesti bawa modal pengalakan atau menjalankan projek-projek. Kita tahu projek-projek itu mesti mengambil masa yang panjang, barulah kita boleh dapat balik modal-modal kita, tetapi oleh sebab wang ini telah banyak dibelanjakan kita masukkan wang itu sebagai wang kerugian.

Tuan Speaker, saya harap Yang Berhormat Ahli-Ahli yang bertanggungjawab boleh menerangkan kepada rakyat jelata kedudukan kewangan negeri kita, dan saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam tidak payah lagi berasa sebagai anak tiri. Sebaliknya beliau hendaklah bersama-sama dengan kita, bekerja sungguh-sungguh untuk rakyat sebagai seorang Ahli dalam Dewan ini sebab *deficit* yang kita tunjukkan sesungguhnya boleh dikira sebagai kebolehan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kita dalam menjalankan projek-projek untuk rakyat. Jika kita boleh mendapat wang yang cukup, semua wang itu kita boleh jalankan untuk rancangan-rancangan yang membawa faedah kepada rakyat. Dalam Anggaran Pembangunan tahun 1982 kita telah menunjukkan kebolehan yang kita telah jangka ialah sampai \$124 juta lebih. Sungguhpun kita ada pendapatan sampai \$81 juta lebih sahaja tetapi kebolehan kita ialah \$124 juta. Inilah keyakinan pegawai-pegawai kita dan kita harap selepas diluluskan cadangan dan usul saya, sahabat saya di dalam pihak Kerajaan Negeri akan mengkaji dan mencadang semua wang yang kita utunkan kepada rancangan-rancangan mengikut jadual.

Sekian, terima kasih.

Usul d ikemukakan dan dipersetujui'.

(b) PEMILIHAN SENATOR

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum Dewan ini menjalankan urusan pemilihan seorang Senator, saya sukaiah memaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong telahpun memberitahu Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri, mengikut Seksyen Kecil (2) dalam Seksyen 1 Jadual Yang Ketujuh kepada Perlembagaan Persekutuan, iaitu satu kekosongan antara Ahli-Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Negeri Pulau Pinang telah berlaku disebabkan perletakan jawatan oleh Yang Berhormat Encik Oh Siew Aun pada 7hb. September, 1981, yang mana tempoh perkhidmatan beliau sepatutnya akan tamat pada 27hb. September, 1983. Maka adalah perlu untuk memilih seorang Senator bagi menggantikan beliau. Tuan Yang Terutama telah memerintahkan Dewan ini di dalam surat perintahnya yang bertarikh 4hb. Disember, 1981 supaya memilih seorang Senator dengan sewajarnya.

Di bawah Fasal 3, Artikul 45, Perlembagaan Persekutuan, tempoh jawatan seorang Senator ialah 3 tahun. Walau bagaimanapun tempoh jawatan orang yang di pilih nanti adalah selama baki tempoh bagi Encik Oh Siew Aun, iaitu mulai daripada hari ini sehingga 27hb. September, 1983.

Calon-calon untuk pilihan mestilah dicadangkan dan disokong oleh Ahli-Ahli Dewan, dan disertai pula dengan kenyataan bertulis bahawa calon itu bersedia untuk berkhidmat jika beliau dipilih. Mengikut Artikul 47(a) Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap warganegara yang bermastautin di dalam Persekutuan ini dan berumur tidak kurang daripada 30 tahun adalah layak untuk menjadi seorang Senator

dengan syarat tidak terlucut kelayakannya mengikut Artikul 48.

Oleh kerana hanya seorang sahaja yang akan dipilih maka tiap-tiap Ahli Dewan mempunyai satu undi sahaja, dan jika sekiranya mana-mana Ahli mengundi lebih daripada apa yang dibenarkan itu, maka undi lebih itu adalah batal atau tidak sah.

Sekarang saya menjemput mana-mana Ahli Yang Bernormat sekalian untuk mengemukakan cadangan masing-masing.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATUK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Datuk Speaker, saya ingin mencadangkan Datuk Khoo Kay Por sebagai Ahli Dewan Negara mengikut Artikul 45, 47 dan 48 dalam Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan dan beliau akan menggantikan tempat Encik Oh Siew Aun yang telah meletakkan jawatan mengikut kuasa negeri mulai daripada 7hb. September, 1981.

Encik Oh Siew Aun telah mula dipilih sebagai Senator bagi Negeri Pulau Pinang pada 28hb. September, 1971 dan dipilih semula oleh Dewan mi apabila tempoh masa pertama beliau tamat pada 27hb. September, 1977. Tempoh beliau sekarang ini juga akan tamat sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Speaker, pada 27hb. September, 1983. Walau bagaimanapun beliau telah menulis kepada Yang Dipertua Dewan Negara untuk menyatakan perletakan jawatannya pada 7hb. September, 1981. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Encik Oh Siew Aun dalam menjalankan tugas-tugasnya di Dewan Negara dengan perasaan penuh tanggungjawab.

Datuk Khoo Kay Por adalah seorang Penasihat Perniagaan di sebuah Bank di Pulau Pinang. Dahulunya Datuk Khoo adalah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri

lagi Kawasan Kampong Kolam. Datuk Khoo Kay Por telah mula berkecimpung dalam bidang politik sejak tahun 1956 apabila beliau mula menjadi Ahli MCA dan dalam tahun 1961 beliau merupakan salah seorang pengasas Parti Demokratik Bersatu, ataupun United Democratic Party, yang mana dalam tahun 1967 dirombak ke dalam Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Beliau mula bertanding dalam Pilihanraya Umum tahun 1964, di mana beliau telah berjaya, dan sekali lagi berjaya dalam Pilihanraya Umum tahun 1969. Beliau telah berjaya bagi kali ketiganya dalam Pilihanraya Umum tahun 1974. Beliau telah dilantik ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam tahun 1974 dan telah berkhidmat sehingga tahun 1978.

Sebagai seorang pemimpin masyarakat yang disanjung dan dihormati, Datuk Khoo Kay Por memegang jawatan dalam beberapa Lembaga Sekolah. Beliau juga adalah penasihat kepada beberapa pertubuhan, termasuk sebagai Pengerusi Lembaga, Amanah Boon Sam Tong. Pada masa ini beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri Pulau Pinang serta juga Ahli Jawatankuasa Executive Pusat bagi Parti Gerakan Rakyat Malaysia.

Dengan pengalaman beliau dari awal tahun pencapaian kemerdekaan sehingga kepada tahap politik yang sofistikated pada hari ini, Datuk Khoo Kay Por telah memperolehi banyak pengalaman dan jasa-jasa yang tidak ternilai dalam membina dan menyatupadukan negara. Saya percaya pengalaman beliau yang begitu luas sebagai seorang ahli politik dan penglibatan dirinya dalam hal ehwal masyarakat akan dapat menempatkan beliau di satu kedudukan yang baik sebagai seorang Senator.

Saya percaya Datuk Speaker pun telah mendapat surat daripada Datuk Khoo Kay Por bahawasanya beliau terima jawatannya sekiranya dipilih dan oleh itu saya dengan bangganya mencadangkan Datuk Khoo Kay Por sebagai

Ahli Dewan Negara bagi Negeri Pulau Pinang mulai hari ini sehingga 27hb. September, 1983.

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk pengetahuan semua, saya telah menerima surat bertarikh 16hb. Disember, 1981 daripada Yang Berbahagia Datuk Khoo Kay Por yang menyatakan kesediaan beliau untuk berkhidmat sebagai seorang Senator bagi Negeri Pulau Pinang jika dipilih. Ada sokongan?

AHLI KAWASAN PAYA TERUBONG (ENCIK CHIN NYOK SOO):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER:

Ada cadangan lain?

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab hanya seorang sahaja yang dicalang, maka dengan ini saya mengisytiharkan bahawa Yang Berbahagia Datuk Khoo Kay Por dipilih menjadi Senator mulai hari ini sehingga 27hb. September, 1983.

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan selama 15 minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.56 pagi.

Dewan bersidang semula jam 11.25 pagi.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, saya mahu komen sedikit kepada usul tadi.

TUAN SPEAKER:

Sudah pun diluluskan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, tadi saya bangun kata

saya mahu bahas

TUAN SPEAKER:

Saya ingat tidak payah bahas, kalau mahu komen saya benarkan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tadi, Tuan Speaker, saya telah bangun untuk berbahas dalam usul ini dan Tuan Speaker, telah bertanya adakah saya mahu *propose* seorang calon. Dengan kerana itu, Tuan Speaker, saya percaya saya boleh bercakap sedikit iaitu semasa Mesyuarat Dewan Undangan pada bulan November tahun 1980, satu usul telah dicadangkan bagi melantik seorang Senator untuk mewakili Negeri Pulau Pinang dalam Senat. Saya telah menentang dengan sekeras-kerasnya cara yang diikuti.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, mengikut Peraturan 46, perkara ini telahpun diambil keputusan untuk dihentikan.

TUAN SPEAKER:

Yang Amat Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah menganbil keputusan. Yang Berhormat nampaknya hendak membahas di atas cara-cara pemilihan, bukan komen. Jadi saya tidak benarkan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, saya mahu *register* saya punya *protest*. Tuan Speaker, bila saya bangun tadi saya tidak dapat bercakap dan Tuan Speaker sekali terus-terus kata sudah *elected* dan *adjourn* Dewan. Saya kata ini tidak boleh ratik.

7. PENANGGUHAN

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditang-

guhkan sekarang dan saya juga ambil peluang dalam Dewan ini untuk mengucapkan Merry Christmas kepada Ahli Yang Berhormat yang beragama Kristian.

AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS (DATU KHALID AHMAD BIN SULAIMAN):

Tuan Speaker, saya menyokong dan bersama-sama mengucapkan Merry Christmas khas untuk Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam.

AHLI KAWASAN BUKIT MERTAJAM (ENCIK SEOW HUN KHIM):

Tuan Speaker, saya hendak tarik balik ucapan penangguhan saya sebab dalam perbahasan Anggaran Pembangunan 1982 semalam saya telah menyentuh perkara ini dengan teliti.

TUAN SPEAKER:

Terima kasih.

AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL (DR. SAK CHENG LUM):

Terima kasih, Tuan Speaker.

Tajuk saya dalam ucapan Penangguhan ialah berkenaan undang-undang bayaran lesen bagi tahun 1980, Majlis Perbandaran Seberang Perai. Seperti kita maklum, M.P.S.P. telah melaksanakan undang-undang kecil dan berkuatkuasa mulai daripada 1hb. Julai, 1981 dan dengan ini M.P.S.P. menjadi Majlis Kerajaan Tempatan yang pertama dalam negara yang telah melaksanakan undang-undang kecil begitu. Melalui laporan suratkhbar dan juga beberapa perjumpaan dengan rakyat, saya berpendapat bahawa sambutan dan perasaan rakyat terhadap pelaksanaan undang-undang kecil oleh M.P.S.P. ini tidak begitu baik.

Saya ingin membincangkan dalam ucapan saya mengapa pada hemat saya usaha M.P.S.P. dalam pelaksanaan undang-undang kecil ini sangat tidak memuaskan. Antara sebabnya ialah,

saya rasa pihak M.P.S.P. tidak memberikan maklumat yang mencukupi sebelum perlaksanaannya. Notis dan borang yang dikeluarkan dalam bulan September, 1981 adalah berbunyi begitu keras, misalnya ada sebut denda dan lain-lain yang mengakibatkan rakyat pun berasa terkejut. Walaupun ada banyak hujah-hujah dari rakyat, M.P.S.P. pada masa itu tidak memberi apa-apa penjelasan dengan mencukupi dan juga pada masa itu, ini telah menimbulkan khabar-khabar angin tentang maksud dan cara pelaksanaan undang-undang ini. Pelaksanaan undang-undang inipun akan meningkatkan bayaran lesen dan ini saya rasa adalah sangat tidak sesuai dengan masa sekarang, satu masa yang mana rakyat sedang menghadapi masalah inflasi dan ini akan menambahkan kesusahan kepada rakyat. M.P.S.P. pun tidak mengutip *feedback* atau pandangan dari rakyat sebelum mereka membuat ketetapan atau kajian dalam undang-undang kecil ini.

Faktor yang saya rasa penting sekali ialah maksud atau tujuan undang-undang kecil ini. Adakah maksud M.P.S.P. melaksanakan undang-undang kecil ini ialah untuk kawalan atau untuk mengutip hasil? Jika untuk mengutip lebih hasil, saya rasa ini tidak patut sebab M.P.S.P. telah mengutip hasil khususnya dari golongan perniagaan melalui taksiran atau *house assessment* yang mana rumah-rumah kedai telah ditaksir dengan kadar yang tinggi, dan jikalau maksudnya ialah untuk kawalan M.P.S.P. saya rasa patutlah mengutip bayaran lesen yang minima atau *token licensing fee* sahaja.

Pada akhir sekali, Datuk Speaker, saya merayu kepada pihak M.P.S.P. untuk menimbang dan mengkaji semula cara pelaksanaan undang-undang kecil ini dan saya harap boleh dipertimbangkan bahawa perniagaan yang tidak mengganggu atau mengancam kesihatan atau keselamatan awam dan juga tidak mengganggu rancangan kawasan mesti dikecualikan dan tidak perlu

lesen; pada perniagaan-perniagaan lain bayaran lesen yang dikenakan hendaklah bayaran yang minima atau *token licence fee* sahaja.

Sekian, terima kasih.

AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP (ENCIK TEOH KOOI SNEAH):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun untuk mendapat kenzinan untuk menyampaikan ucapan tangguhan atas perkara-perkara dan masalah-masalah yang berkaitan dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat sedari M.P.S.P. adalah sebuah badan Kerajaan Tempatan yang sepatutnya membuat perkhidmatan atau *a service-oriented body* dan banyak telah diperkatakan oleh M.P.S.P. atas pemberian perkhidmatan asas di kawasan-kawasan luarbandar, tetapi amatlah kesal diperhatikan bahawa kedudukan ini masih didapati tidak memuaskan. Walau pun kedudukan pekerja-pekerja telah meningkat dua kali ganda semenjak tahun 1948, tetapi masih terdapat banyak kawasan yang tidak diberi perkhidmatannya. Banyak pengaduan daripada penduduk-penduduk selalu dibangkitkan atas ketiadaan pungutan sampah, najis tidak diangkut selama 10 — 20 hari, parit-parit tidak dicuci, dan tidak dan peruntukan untuk lampu-lampu jalan.

Tuan Speaker, saya tidak puashati tentang pelaksanaan sistem tandas curah sebagai pengantian tandas tong di mana semua permohonan dari rakyat perkampung Jawi tidak dapat diberi keutamaan. Perkampungan ini telah membangun dan kebanyakan penduduk tidak dapat bekalan air dan dari segi kesihatan permintaan ini wajarlah diberi perhatian.

Datuk Speaker, tadi saudara kita Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal telah menjelaskan berkenaan undang-undang kecil bayaran lesen oleh M.P.S.P. dan saya banyak kekeliruan dan kesukaran telah timbul di kalangan peniaga-peniaga kecil, peladang-pe-

ladang dan penternak-penternak profesional. Pada fikiran saya lesen adalah satu cara untuk mengawal dan bukanlah satu sumber bagi menambahkan hasil pendapatan sahaja.

Tuan Speaker, berhubung dengan polisi M.P.S.P. tidak akan menimbangkan permohonan bagi mendirikan rumah sendiri atas tanah sendiri yang melebihi dua ekar, saya rasa M.P.S.P. telah menghalang penduduk-penduduk di Seberang Perai dari menduduki rumah sendiri. Banyak telah diperkatakan oleh pemimpin Kerajaan untuk menggalakkan rakyat mempunyai rumah sendiri, tetapi tindakan M.P.S.P. ini akan bercanggah dengan tujuan dan cita-cita Kerajaan.

Tuan Speaker, saya amat kesal memperhatikan sikap M.P.S.P. berkenaan perbelanjaan wang yang terlampau atas lawatan ke luar negeri. Setahu saya dalam sejarah, inilah sebuah Kerajaan Tempatan yang membuat banyak sekali lawatan luar negeri, dan saya percaya telah menciptakan rekod dalam hubungan ini.

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat, di atas tajuk apakah pula ini? Sebab sudah melebihi satu tajuk.

AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP (ENCIK TEOH KOOI SNEAH):

Perkara M.P.S.P. (Ketawa).

TUAN SPEAKER:

Terlalu luas.

AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP (ENCIK TEOH KOOI SNEAH):

Perkara ini, Datuk Speaker, telah membazirkan wang pembayar cukai terhadap lawatan wang tidak berhasil dan ini hendaklah dielakkan. Tenaga, masa dan wang itu hendaklah digunakan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di Seberang Perai.

Tuan Speaker, akhir sekali kebanyakan

an *rate payers* atau pembayar cukai telah bimbang terhadap kecekapan dan perkhidmatan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Orang ramai berpendapat jika Majlis Perbandaran ini tidak mematuhi hasrat dan kehendak rakyat maka lebih baik ianya diubahkan untuk menjadi satu jabatan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
(DR. ONG HEAN TEE):

Datuk Speaker, saya ingin berucap berkenaan keperluan perumahan untuk mangsa-mangsa banjir di kawasan Sungai Pinang dan kawasan Datuk Keramat.

Tuan Speaker, setiap musim hujan apabila hujan lebat turun untuk dua-tiga jam, orang-orang di kawasan Sungai Pinang dan Datuk Keramat khususnya di kawasan Kampong Dodol, Rawana, Caunter Hall dan Dhoby Ghaut menghadapi satu masalah banjir yang terkenal di Bandaraya George Town. Setiap kali musim hujan mereka menghadapi masalah memindahkan barang-barang dan perabut-perabut mereka dan selepas banjir mereka mesti menggunakan masa dan tenaga dan juga perbelanjaan wang untuk membersihkan barang-barang mereka. Di kawasan itu ada banyak rumah-rumah dikongsi oleh keluarga-keluarga yang ramai yang tinggal di tingkat bawah dan keluarga-keluarga ini yang menghadapi masalah banjir ini. Pihak Kerajaan melalui Jabatan Parit dan Taliair telah mengkaji masalah ini dan menganggarkan bahawa perbelanjaan sebanyak \$200 juta mesti dibayar supaya masalah banjir ini dikawal. Ini adalah perbelanjaan yang besar dan mesti didapati daripada Kerajaan Pusat. Orang-orang di sini telah berputus asa terhadap wakil rakyat atau Ahli Parlimen di kawasan ini. Ahli Parlimen Jelutong yang juga Ahli Kawasan Bukit Glugor telah gagal menyuarakan kehendak-kehendak mereka di Parlimen dan juga kepada Kerajaan Pusat. *He is only making a*

mockery of himself by thinking that his 25,000 constituents will be in his favour if he were to display his art of gangsterism.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Mengikut Peraturan 46 (xiii), *a member must not indulge in personalities or use of offensive expressions.* Apa ini, Tuan Speaker?

AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
(DR. ONG HEAN TEE):

Tuan Speaker, bila Ahli dari Ayer Itam bercakap tadi ia adalah seorang *honourable man*. Itu pun juga satu perasaan.

AHLI KAWASAN AYER ITAM
(ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, adakah itu perkara *adjournment speech*? *Point of order — what is the subject matter of the adjournment speech?*

TUAN SPEAKER:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang, saya harap teruskan ucapan mengikut tajuk yang diberi.

AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
(DR. ONG HEAN TEE):

Ya, Tuan Speaker, ini berkaitan dengan tajuk, sebab ini adalah cita-cita dan aspirasi penghuni-penghuni di kawasan saya di dalam kawasan Parlimen Jelutong.

Tuan Speaker, kita boleh nampak bahawa ahli pembangkang tidak bekerja sebagai sepatutnya, tetapi saya rasa sangat bangga hari ini di dalam persidangan ini sebab kita telah mendapat tahu daripada Kerajaan Negeri bahawa kerja-kerja untuk membaiki saliran dan lempahan keluar Kuala Sungai Pinang Daerah Timur Laut akan dijalankan pada tahun depan. Jabatan Parit dan Taliair telah memberitahu saya bahawa kerja-kerja kawalan banjir sedang dijalankan di kawasan ini, akan

tetapi masalah ini tidak boleh dikawal dengan perbelanjaan yang kecil. Oleh kerana ini saya meminta Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan kes-kes orang yang terlibat dalam kawasan banjir ini supaya mereka diberi satu peluang untuk hidup dalam keadaan yang sihat. Kerajaan Negeri telah mengesyorkan bahawa satu cara penulihan yang lebih sesuai, lebih murah dan lebih baik adalah pemindahan orang-orang yang terlibat ini ke projek-projek perumahan.

Tuan Speaker, projek-projek perumahan di Taman Free School telah siap dan projek ini adalah di tepi kawasan banjir yang berkaitan. Saya meminta pihak Kerajaan untuk mempertimbangkan rayuan daripada orang-orang ini supaya diperuntukkan rumah pangsa di Taman Free School oleh kerana pemindahan ke tempat yang dekat tidak akan membawa kesusahan yang banyak dan mereka pula boleh mengikuti cara hidup yang biasa, pergi ke sekolah yang biasa, pergi ke pasar yang biasa dan pergi ke tempat-tempat biasa. Datuk Speaker, saya harap pihak Kerajaan akan mempertimbangkan perkara ini.

Terima kasih.

AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK PETER PAUL DASON):

Tuan Speaker, saya telah beberapa kali membangkitkan dalam Dewan ini masalah-masalah berkaitan dengan kerosakan dan salah fungsi lif-lif di kompleks rumah pangsa Padang Tembak. Kompleks rumah pangsa Padang Tembak ialah tempat yang paling teruk bagi penduduk-penduduk di negeri ini. Kira-kira 25,000 penghuni mendiami 9 blok di Padang Tembak dan kira-kira 2,700 penghuni tinggal di tiap-tiap blok tersebut. Setiap blok hanya mempunyai 3 lif sahaja untuk memberi perkhidmatan kepada 2,700 orang ini iaitu lebih kurang 900 orang bagi setiap lif.

Datuk Speaker, jika sekiranya salah satu daripada lif ini tergendala ia akan menyebabkan kesusahan kepada

penghuni-penghuni yang tinggal di tingkat-tingkat yang diservis oleh lif tersebut kerana mereka terpaksa turun atau naik satu tingkat lagi untuk sampai ke lif yang boleh mereka gunakan. Selanjutnya dua lif yang lain terpaksa membawa bebanan tambahan 450 orang lebihkurang dan ini akan merosakkan *mechanism* lif-lif berkenaan.

Kerap kali apabila baru sahaja salah satu dari tiga buah lif itu diperbaiki, dua lif yang lain juga akan tergendala. Beberapa kali ketiga-tiga lif dalam sesuatu blok itu tergendala pada masa yang sama, umpamanya di Blok G dan saya pasti, Tuan Speaker, kesusahan yang amat teruk terpaksa dialami oleh penghuni-penghuni. Orang-orang tua dan anak-anak terpaksa memanjat naik atau turun sebanyak 17 tingkat apabila mereka hendak pergi ke flat mereka ataupun apabila mereka mahu turun ke bawah.

Kerap kali lif-lif tidak berhenti di tingkat-tingkat di mana ia patut berhenti. Kadang-kadang lif-lif berkenaan *overshoot*, umpamanya salah sebuah lif di Blok F yang sepatutnya berhenti di tingkat 6 telah naik ke tingkat 9, ataupun dari tingkat 9 ia terus dan tidak berhenti di tingkat 6. Satu lif di Blok B naik terus dari tingkat bawah ke tingkat yang paling atas atau menurun dari tingkat yang paling atas ke tingkat bawah tanpa berhenti di tingkat-tingkat lain. Dua lif lain di Blok B selalu tergendala atau rosak.

Selanjutnya pintu beberapa lif di kompleks tersebut tidak boleh dibuka kerana lif-lif tersebut berhenti di paras agak 6 inci dari sesuatu tingkat dan akibat *adjustment* yang tidak sempurna ini pintu-pintu tersebut tidak boleh dibuka dari luar, tetapi terpaksa dibuka dari dalam dengan mengerjakan tangan *levers* yang sedia ada. Masalah lif-lif berhenti di paras yang lain dari paras sesuatu tingkat itu sepatutnya dibetulkan, tetapi tidak ada apa-apa tindakan di ambil selama ini walaupun aduan mengenai lif-lif ini telah ujud bertahun-

tahun lamanya.

Dalam bulan Mei tahun ini saya telah membangkitkan dalam Dewan ini perkara-perkara kehilangan beberapa *press buttons* di lif-lif terselut yang telah mengakibatkan wavar-wavar terdedah atau *exposed*, dan sampai hari ini *press buttons* yang hilang itu belum lagi digantikan. Juga lampu-lampu penunjuk atau *indicator lights*, yang menunjukkan sama ada lif itu sedang naik atau turun tidak berfungsi lagi. Dan pengguna-pengguna lif tersebut menggunakan lif-lif itu dengan sabar. Banyak pintu-pintu lif yang sepatutnya tutup dengan baik secara automatik tidak berbuat demikian disebabkan lif-lif berkenaan tidak berfungsi.

Satu pemeriksaan yang menyeluruh hendaklah diadakan secara *regular* untuk menentukan bahawa sistem *hydraulic* yang ada pada pintu-pintu tersebut berada dalam keadaan baik untuk memastikan pintu-pintu tersebut boleh dibuka dengan baik. Lif No. 1 di Blok H berfungsi 24 jam tanpa berhenti naik dari bawah terus ke atas dan lepas itu turun ke tingkat bawah walaupun tidak ada sesiapa yang menggunakan lif tersebut. Ini adalah disebabkan terdapat *electrical default* dan akibat ini motor lif tersebut selalu rosak dan perlu diganti. Kerosakan ini telah berlaku sejak beberapa tahun dan tidak ada apa-apa percubaan dibuat untuk membaiki keadaan tersebut.

Masalah yang dinyatakan oleh saya tadi boleh dikatakan melibatkan hampir semua 9 blok di kompleks Padang Tembak dan bolehlah dikatakan tanpa *contradiction* bahawa salah satu dari masalah besar yang dihadapi oleh penghuni-penghuni ini ialah masalah yang mereka hadapi dengan lif yang tergendala atau salah fungsi. Tentulah bukan di luar kemampuan Jawatankuasa Perumahan Negeri untuk membaiki keadaan yang sungguh tidak memuaskan ini. Tentulah lif-lif yang ada di kompleks rumah pangsa Padang

lembak boleh berfungsi dengan baik sekiranya Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri melawati perkara-perkara ini sebagai masalah-masalah yang memerlukan perhatian atau keutamaan. Tentulah penghuni kompleks perumahan Padang Tembak berhak menerima layanan yang lebih baik.

Terima kasih.

KETUA MENTERI:

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang saya nampak, selepas 4 hari berbahas, masih ada lagi banyak perkara-perkara yang hendak dibawa dalam Ucapan Penangguhan dan semua perkara-perkara yang berfaedah akan diambil perhatian oleh Kerajaan.

Saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal, Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Glugor dan Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang mesti faham apakah perkara-perkara yang boleh ditimbulkan di peringkat negeri. Ada beberapa perkara yang termasuk di bawah kuatkuasa badan-badan lain seperti Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Kerajaan Tempatan. Jika ada Ahli-Ahli dalam Jawatankuasa Tempatan yang hendak membawa perkara untuk negeri atau tentang kawasan Sungai Bakap atau Bagan Jermal, macam mana kita hendak membahaskan balik dalam Majlis itu? Oleh sebab itulah jika ada perkara-perkara yang berkaitan dengan mesyuarat ini ditimbulkan, kita akan mengambil perhatian.

Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Sungai Pinang telah membawa kita semua sampai ke Dewan Rakyat, tetapi itu memang menjadi kebiasaan di dalam mesyuarat ini dan saya harap kita boleh membuat rujukan.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itan pun telah memulakan ucapan

belia dengan perkara yang beliau kata telah dibangkitkan beberapa kali dalam Dewan ini dan kerap kali kita telah menjawab bahawa perkara lif ini telah diambil perhatian dan tindakan. Ini rekod lama yang kita biasa dengar dan saya harap kita boleh tangguhkan mesyuarat kita sekarang dan balik untuk mendengar sebuah lagu lama yang bunyinya baik dan elok — "Silent Night, Holy Night".

TUAN SPEAKER:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Berhari Raya Christmas kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang beragama Kristian dan yang lain-lain lagi. Dengan ini, Dewan ditangguhkan.

Terima kasih.

Dewan ditangguhkan jam 11.55 pagi.